



BIRO KAWALAN NAKOTIK
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

IKLAN JAWATAN KOSONG

BIRO KAWALAN NARKOTIK
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pemohon adalah dipelawa daripada pegawai yang sedang berkhidmat atau pemohon baru untuk memenuhi jawatan kosong seperti berikut di BIRO KAWALAN NARKOTIK, Jabatan Perdana Menteri.

Penolong Pegawai Narkotik II
(BKN.1-2 EB 3: \$650.00 EB Khas \$1,350.00)

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- a) Pemohon mestilah terdiri dari Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam;
- b) Pemohon mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam;
- c) Lulus dengan kepujian / kredit dua (02) mata pelajaran dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Peringkat Lanjutan (**GCE 'A' Level**) atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam,
- d) Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi atau pengalaman dalam bidang penguatkuasaan undang-undang adalah merupakan satu kelebihan.

ATAU

Telah berkhidmat di Biro Kawalan Narkotik dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji D.1 atau sebanding selama tidak kurang dari tiga (03) tahun atau dalam tanggagaji E.1 atau sebanding selama tidak kurang dari lima (05) tahun.

ATAU

Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji D.1 atau sebanding selama tidak kurang dari empat (04) tahun, dalam tanggagaji E.1 atau sebanding selama tidak kurang dari enam (06) tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan,

- e) Pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi ditahap yang **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan. Mereka yang mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap **CEMERLANG** dan mendapat sokongan yang kuat dari Setiausaha Tetap atau Ketua Jabatan adalah merupakan satu kelebihan;
- f) Mempunyai pengalaman dalam bidang penguatkuasaan undang-undang adalah merupakan satu kelebihan;

SYARAT-SYARAT LAIN

- a) Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk diluar masa bertugas biasa dan bersedia untuk ditempatkan dimana-mana sahaja yang dikehendaki sebagaimana yang diarahkan;
- b) Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.

CARA PERMOHONAN / MAKLUMAT

1. Semua permohonan adalah melalui mengisi borang **BKN212**;
2. Borang **BKN212** boleh didapati di laman sesawang: www.narcotics.gov.bn atau melalui kod QR yang disediakan;
3. Bagi pemohon yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan, hendaklah melalui Ketua Jabatan masing-masing, berserta dengan surat sokongan Ketua Jabatan berkenaan, salinan laporan prestasi tiga (03) tahun kebelakangan dan rekod perkhidmatan;

4. Hanya borang permohonan yang **LENGKAP** serta memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan sahaja akan di senarai pendek dan akan dipertimbangkan untuk proses Ujian Bertulis, Ujian Kecergasaan dan Temuduga;
5. Permohonan yang diterima lewat dari tarikh tutup iklan tidak akan dilayan;
6. Borang hendaklah dikembalikan sebelum tarikh dan masa yang telah ditetapkan kepada:

Pengarah

Biro Kawalan Narkotik

Jabatan Perdana Menteri

Kg.Tungku, Gadong BE2110

Negara Brunei Darussalam.

[UP: Urusetia dan Perhubungan Awam]

TARIKH TUTUP IKLAN: 31HB JULAI 2024, JAM: 4.00 PETANG

QR BORANG PERMOHONAN:

